



PERUTUSAN TAHUN BAHARU NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

2013

30 Januari 2013

Dewan Agung Tuanku Canselor



PERUTUSAN TAHUN BAHARU
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

2 0 1 3

30 Januari 2013

Dewan Agung Tuanku Canselor

Kandungan

Mukadimah	
Penghargaan kepada Pengurusan Eksekutif	07
Penghargaan kepada Pengurusan Kanan	08
Penghargaan kepada Warga Akademik dan Pentadbir	09
Ucapan Selamat Tahun Baharu 2013 dan Maulidur Rasul	10
Mengubah Destini Anak Bangsa	12
Hala Tuju Strategik UiTM	
Peralihan Kepimpinan dan Peningkatan Prestasi	19
Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Melalui e-Learning	20
Memperkuuh Proses Kenaikan Pangkat	21
Media Sosial sebagai Wahana Pengajaran dan Pembelajaran	23
Memantapkan Bidang Penyelidikan dan Pengantarabangsaan	25
Pemantapan Program Akademik dan Penjanaan Sumber Fakulti	26
Memenuhi Tanggungjawab Sosial melalui Tabungan Universiti	30
Tahun 2013 sebagai Tahun Keselesaan Pelajar	32
Pemantapan Kokurikulum, Keusahawanan dan Kesukarelawanan	33
Pemantapan Imej dan Komunikasi Korporat UiTM	38
Meneruskan Legasi UiTM	40
Penutup	41



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



PERSEJUANAN TAHUN ALMA MATER CANSELOR 2013

3 : 8.00 PAGI
TUANKU CANSELOR

Mukadimah

Bismillahi-RahmanirRahim

**Assalamualaikum WBT
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia
UiTM Sentiasa Di Hatiku**

**Warga UiTM yang saya hormati serta
siswa-siswi yang saya kasihi sekalian**

Alhamdulillah, syukur kepada Allah Yang Maha Esa, kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dilapangkan waktu dan diberi kesihatan, untuk berhimpun di dewan yang indah lagi agung ini, untuk berkongsi hasrat dan menghayati matlamat di sebalik Perutusan Tahun Baharu saya, sempena kedatangan tahun 2013.

Alhamdulillah, sekali lagi saya diberi peluang untuk mengemudi UiTM ke arah mercu kecemerlangan, demi mengangkat universiti tercinta ini, agar setanding dengan universiti tersohor dunia, dan seganding dengan usaha kerajaan memacu negara, ke tahap yang sebanding dengan negara-negara maju dunia, menjelang 2020.

Justeru, sewajarnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga UiTM, atas segala usaha dan komitmen, dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sepanjang tahun 2012.

Penghargaan

Tanpa sokongan padu daripada tuan-tuan dan puan-puan, tidak mungkin saya dapat memainkan peranan dengan berkesan sebagai Naib Canselor, apatah lagi jika diambil kira saiz UiTM yang amat besar, dengan jumlah warga kerja yang melebihi 18,000, dan, dengan jumlah pelajar yang hampir menjangkau 200,000, di seluruh pelusuk tanah air, menuntut dalam pelbagai bidang pengajian ilmu yang ditawarkan, menerusi lebih 360 program pengajian.

Seterusnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan kepimpinan UiTM di pelbagai peringkat, baik yang berkhidmat di kampus Shah Alam, mahupun di kampus-kampus cawangan, begitu juga di kampus-kampus satelit. Bergeraknya UiTM ke arah yang dituju, dan berjayanya UiTM mencapai apa yang dirancang, sesungguhnya terhasil daripada keringat dan komitmen yang tuan-tuan dan puan-puan berikan.

Penghargaan kepada Pengurusan Eksekutif

Terima kasih saya ucapan kepada kepimpinan Pengurusan Eksekutif UiTM, kerana sentiasa berdiri di belakang saya, bagi memastikan UiTM terus berada di landasan yang betul, dalam apa jua tindakan yang diambil.

Kepada kesemua Timbalan Naib Canselor saya, Profesor Azni, Dato' Abdullah, Profesor Rahman, dan Profesor Norsaadah, terima kasih atas sokongan padu yang diberikan dalam menterjemah setiap dasar dan strategi, untuk diperturun kepada warga.

Terima kasih kerana memahami apa yang saya kehendaki untuk UiTM.

And now, I would like to ask Prof. Azni, Dato' Dollah, Prof. Rahman and Prof. Norsaadah, to please stand up, and, stay where you are.

Kepada hadirin sekalian, termasuk juga warga dan pelajar UiTM yang sedang mengikuti perutusan ini dari kampus masing-masing, marilah kita sama-sama memberi tepukan gemuruh untuk keempat-empat Timbalan Naib Canselor, sebagai tanda penghargaan atas segala usaha dan kesungguhan melaksanakan tanggungjawab demi UiTM.

Thank you TNCs...

Seterusnya, terima kasih saya ucapan kepada Pendaftar, Bendahari dan juga Penasihat Undang-undang, atas komitmen dan kesetiaan untuk memberi yang terbaik demi UiTM.

Dr Zahrah, Tuan Haji Sanip, and Prof. Shad, would you like to stand up, and allow the warga to express their appreciation of your services.

Hadirin sekalian, di dalam dewan ini, dan juga di seluruh pelusuk negara, marilah kita sama-sama memberi tepukan gemuruh untuk Dr Zahrah, Tuan Haji Sanip dan Prof. Shad, sebagai tanda penghargaan atas segala khidmat yang diberikan bagi memantapkan pentadbiran universiti.

Penghargaan kepada Pengurusan Kanan

Seterusnya, kepada barisan Pengurusan Kanan UiTM, terdiri daripada Ketua Pustakawan, kesemua Penolong Naib Canselor, dan Pegawai Khas Naib Canselor, saya ucapan terima kasih atas kesungguhan dan usaha gigih membantu saya untuk memperkasa agenda universiti, demi menaikkan kedudukan UiTM, agar setanding dengan universiti-universiti tersohor dunia, suatu hari nanti.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Rektor-Rektor, Dekan-Dekan Fakulti, dan juga Pengarah-Pengarah Pusat Pengajian serta Pusat Kecemerlangan terdiri daripada Akademi Pengajian Bahasa, CITU, IPSis, InED, i-Learn, Pusat Asasi, Akademi Kepolisan, Atta-ur-Rahman Institute, ARI, IOS, MITRANS, IIESM, dan IFS, sebagai penggerak utama kecemerlangan akademik UiTM. Terima kasih kerana sentiasa mendukung hasrat dan aspirasi saya, menggerakkan jentera kampus dan fakulti, demi melahirkan generasi UiTM yang berilmu, bertakwa dan beramal.

Di samping ini, terima kasih saya ucapkan kepada barisan kepimpinan di peringkat PTJ, terdiri daripada 22 Ketua Jabatan di bawah Pejabat TNC HEA, TNC HEP, TNC ICAN, TNC Penyelidikan dan Inovasi, begitu juga PTJ-PTJ di bawah Pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari dan Polis Bantuan, kerana sedia berkhidmat dan setia menjunjung agenda memperkasa UiTM, melalui pelbagai inisiatif penambahbaikan, baik dari segi gerakan kualiti, tadbir urus, urusan kewangan maupun khidmat masyarakat.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada IMPAK yang memainkan peranan memperkuuh jati diri anak bangsa melalui pelbagai program dan sesi perkongsian.

Penghargaan kepada Warga Akademik dan Pentadbir

Seterusnya, kepada tenaga pengajar di seluruh sistem UiTM, pendidik anak bangsa, yang merupakan nadi UiTM, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan atas segala jasa dan bakti yang dicurahkan demi mengilmukan anak bangsa, mendidik minda, membentuk peribadi, dan melahirkan tenaga kerja yang berjenama UiTM.

Kepada para pentadbir dan staf sokongan dari setiap peringkat perkhidmatan, terima kasih saya ucapkan, kerana terus menjadikan UiTM pilihan anda sebagai tempat mencari rezeki, dan sebagai tempat menabur bakti. Terima kasih atas kesungguhan dan kesediaan memberi khidmat kepada warga UiTM dan pelanggan kita.

Di samping ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kerja Kesatuan-Kesatuan dalaman, khususnya UTIMAS, MITASA dan KKUUiTM atas sokongan padu dan kesediaan untuk memberi maklum balas terhadap isu-isu kebajikan warga. Terima kasih kerana memainkan peranan dengan baik sebagai penghubung antara warga dan kepimpinan universiti.

Di sini, saya ingin mengucapkan terima kasih khas kepada Jabatan Komunikasi Korporat atas sokongan dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan pelbagai program di peringkat universiti. Begitu juga kepada warga Canseleri: terima kasih saya ucapkan kerana sentiasa memberi sokongan padu, sekali gus memudahkan tugas-tugas saya.

Terima kasih saya ucapkan kepada seluruh warga UiTM, terutamanya di kampus-kampus cawangan, atas kesungguhan dalam menggerakkan program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) sehingga mencapai kejayaan yang membanggakan.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih khas kepada Pengarah MDAB, Profesor Madya Hanafiah Harun.

Ucap Selamat Tahun 2013 dan Maulidur-Rasul

Warga UiTM yang saya hormati, serta para pelajar yang saya kasihi sekalian....

Selang sehari lagi kita akan tiba ke penghujung bulan Januari tahun 2013. Namun saya kira, masih belum terlewat untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada seluruh warga kampus, tidak kira di mana tuan-puan berada dari Perlis hingga ke Sarawak dan juga ke Sabah, di utara maupun di selatan, bahkan di timur dan juga di barat. Di kesempatan ini juga, saya ingin menghulur salam ukhwah kepada warga UiTM yang beragama Islam, sempena sambutan Maulidur Rasul pada hari Khamis, 24 Januari yang lalu, bersamaan dengan 12 Rabiul Awal 1434 Hijriah. Semoga tarikh tersebut bukan sahaja mengingatkan kita kepada hari kelahiran Nabi junjungan Muhammad (s.a.w.), bahkan ia dapat memberi peringatan kepada kita untuk menjadi semulia-mulia umat, dengan memupuk sifat-sifat terpuji, yang dianjurkan oleh Rasulullah (s.a.w.).

Jauhkanlah diri kita daripada sifat-sifat keji, yang tidak disukai baginda. Eratkanlah ukhwah Islamiyah, kukuhkan taip persaudaraan. Jangan biarkan ideologi merenggangkan ikatan persaudaraan sesama kita di UiTM. Dalam suasana sebuah gedung ilmu, seperti UiTM, yang falsafah kewujudannya berpasaskan adab dan nilai-nilai Islam, dan tiang serinya didasari kesantunan budaya Melayu, kita tidak dapat lari daripada tanggungjawab untuk melestari bangsa peribumi yang berdaya saing dan berdaya maju, namun terpupuk dengan nilai-nilai murni. Atas keinsafan inilah, maka tumpuan utama perutusan saya tahun ini berkisar pada Hala Tuju Strategik UiTM ke arah mencapai taraf universiti tersohor, khususnya dalam hal membuatkan pengajaran dan pembelajaran di seluruh sistem UiTM.

Oleh itu, saya menaruh sepenuh harapan agar tuan-tuan, puan-puan serta anak-anak yang dikasihi sekalian, akan tetap bersama-sama saya untuk menterjemah apa yang saya hasratkan melalui perancangan, langkah-langkah, dan tindakan-tindakan yang bersepada dan menjurus ke arah yang satu dan sama.



مسجد الميزان
NUKU MIZAN

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)



Projek Mengubah Destini Anak Bangsa

Melalui MDAB, kita telah membuktikan bahawa warga UiTM sangat prihatin terhadap tanggungjawab sosial serta tuntutan masyarakat. Bahkan, dalam Amanat Tahun Baharunya sehari sebelum ini, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi telah memberi pengiktirafan kepada UiTM atas kejayaan kita dalam program MDAB.

Malahan, beliau menyarankan supaya IPT lain mengikuti jejak UiTM mewujudkan program kemasyarakatan ini, untuk membantu pelajar-pelajar miskin dari kalangan kaum lain di negara ini. Sekali lagi, terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program MDAB di Shah Alam dan di kampus-kampus cawangan. Penglibatan tuan-tuan dan puan-puan amat bermakna dalam mengupayakan bangsa Melayu dan bumiputera, selain mengurangkan jurang antara yang miskin dan yang berada. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap pelajar UiTM di setiap kampus, atas kegigihan dan daya usaha untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik, bagi menjamin kehidupan yang lebih sempurna di masa hadapan.



Kesungguhan para pelajar kita telah memungkinkan UiTM meninggalkan tahun 2012 dengan seribu satu kenangan manis, melalui pelbagai pencapaian, sama ada di peringkat negara ataupun di peringkat antarabangsa, baik dalam bidang akademik maupun bukan akademik. Teruskan dengan semangat juang anak-anak sekalian, teruskan memberi yang terbaik, demi UiTM.

Alhamdulillah, kerana tuan-puan serta anak-anak sekalian sentiasa gigih berusaha untuk meletakkan UiTM pada kedudukan yang lebih baik, maka saya tidak terasa terbeban menggalas amanah yang amat berat sebagai Naib Canselor universiti terbesar di negara ini.

"Kejayaan MDAB terbukti apabila **80 peratus daripada jumlah **18,000 pelajar yang diambil sejak 2010** telah mencapai **CGPA 2.00 ke atas**, dan **berjaya meneruskan pengajian** dalam program arus perdana, di peringkat diploma"**





Hala Tuju Strategik UiTM

Tahun ini, saya berhasrat untuk memacu UiTM ke laluan pintas bagi membuaana proses pengajaran dan pembelajaran sedia ada, agar menepati ciri-ciri sistem pengajian yang diamalkan oleh universiti-universiti tersohor di dunia.

Justeru itu, saya harap Bahagian Hal Ehwal Akademik dapat melaksanakan proses pemetaan strategi, dan mengenal pasti model yang sejajar dengan hala tuju strategik UiTM, sebagai sebuah universiti komprehensif, yang berlandaskan sains dan teknologi, bersandarkan keusahawanan, dan berperanan memperkasa taraf sosio-ekonomi anak bangsa, melalui pelebaran akses di peringkat pengajian tinggi.

Oleh itu, saya menyeru kepada warga di semua peringkat UiTM – warga Pentadbir dan Bendahari, warga Pembangunan dan Fasiliti, warga PTAR dan Pengangkutan, warga InfoTech dan Polis Bantuan, dan juga yang lainnya dari kalangan warga bukan akademik – teruskan usaha sebagai pemudah cara dalam memberi khidmat kepada pelajar, warga akademik dan bukan akademik. Kita mungkin berbeza pendapat, tetapi jangan sampai mencetus konflik sesama sendiri. Kita perlu terima hakikat bahawa bukan semua orang mempunyai pandangan yang sama dengan kita. Oleh itu, janganjadikan perbezaan ini sebagai alasan untuk melakukan sesuatu yang menjelas kesejahteraan sesetengah daripada kita, termasuklah dari segi pertukaran atau penempatan kakitangan.

Dalam hal ini, saya mengambil pendekatan untuk tidak memisahkan ahli keluarga, sama ada pensyarah ataupun pentadbir. Saya telah melalui pengalaman yang sama sebelum ini, dan saya dapat merasakan kepedihannya apabila berjauhan daripada keluarga untuk tempoh masa yang agak lama.

Dengan ini, suka saya ingatkan sekali lagi bahawa penempatan staf dan pensyarah perlu mengambil kira kepentingan keluarga. Jangan dipisahkan anak daripada ibu dan bapa, jangan dipisahkan isteri daripada suami.

Namun, pendekatan yang sama tidak terpakai untuk pensyarah-pensyarah yang berada di bawah Skim Tenaga Pensyarah Muda (TPM). Ini kerana semasa temu duga biasiswa TPM, secara prinsipnya mereka telah bersetuju untuk ditempatkan di kampus cawangan. Mereka semua sedia maklum bahawa pengambilan calon TPM memang dikhatusukan untuk memenuhi keperluan kampus cawangan.

Saya harap ini tidak akan menjas komitmen para pensyarah muda dalam menggalas tanggungjawab. Walaupun saya ada terdengar rungutan dari pensyarah senior dan staf pentadbiran tentang pensyarah muda yang kurang komited, saya yakin ia melibatkan hanya segelintir sahaja golongan ini. Saya tahu ramai yang berdedikasi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

To the young lecturers, please don't let me down, because there is a lot in store for you if you put in passion and commitment in your work. By being part of UiTM, you have chosen to be part of social engineering.

Teruskan bekerja keras, tingkatkan semangat dan tingkatkan usaha, demi mengubah destini anak bangsa. Di samping itu, pupuk semangat kekitaan sesama rakan sekerja – pensyarah dan juga pentadbir. Percayalah, kita tidak akan rugi apa-apa pun kalau kita berbaik dengan orang sekeliling, dan memupuk suasana harmonis di tempat kerja.

Kepada para pensyarah yang berkhidmat di UiTM – tidak kira agama, bangsa atau keturunan – perlu diingatkan bahawa kehadiran tuan-tuan dan puan-puan di UiTM haruslah terarah kepada usaha memajukan anak-anak dari kalangan Melayu dan bumiputera, lantaran mengubah destini anak bangsa.



Peralihan Kepimpinan dan Peningkatan Prestasi


Bagi memantapkan kedudukan UiTM, kita perlu pada perubahan. Makanya, penting bagi UiTM mempunyai barisan kepimpinan yang berkualiti. Oleh itu, saya akan pastikan hanya yang layak sahaja terpilih untuk memimpin sebuah PTJ.

Begitu juga dengan peningkatan kerjaya. Hanya yang layak saja akan dinaikkan pangkat atau disahkan dalam jawatan. Sekiranya terdapat staf yang tidak disahkan dalam jawatan selepas tiga tahun, itu tandanya beliau tidak layak diterima sebagai warga UiTM, dan mungkin perlu mencari kerjaya alternatif di luar sana.

Saya menaruh keyakinan kepada pensyarah-pensyarah muda untuk mempersiapkan diri bagi mengambil alih universiti ini, satu hari kelak.

Mulakan dari sekarang. Jangan tunggu hingga ke penghujung kembara. Isikan ruang yang ada dengan memantapkan kepakaran bagi melangkah ke tahap yang lebih tinggi, kerana dalam tempoh beberapa tahun lagi, golongan 'baby-boomers' akan bersara, dan tampuk kepimpinan universiti akan diambil alih oleh Generasi X dan seterusnya Generasi Y, yang merangkumi hampir 90 peratus daripada tenaga akademik UiTM.





Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Melalui E-Learning

Dalam era ICT, UiTM harus berdaya saing dan berdaya maju. Warga akademik perlu ada kemahiran ICT dalam pembelajaran dan pengajaran. Oleh itu, bermula semester Jun 2013, 30 peratus daripada bahan dan kaedah pengajaran haruslah menggunakan kaedah e-learning atau e-pembelajaran.

Saya mahukan i-Learn dan InfoTech membuat persiapan awal untuk memudah cara kaedah ini, bagi memastikan tidak ada kekangan yang akan dihadapi oleh pensyarah dan pelajar.

Ini termasuklah mengadakan kursus-kursus berkaitan *blended learning*, dan menambah kemudahan jalur lebar dan perkhidmatan tanpa wayar meliputi seluruh kampus.

Oleh itu, saya mahukan agar para pensyarah terlibat dalam kaedah pengajaran melalui i-Learn, termasuk mengikuti kursus latihan, menggubal bahan pengajaran, dan juga berinovasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Memperkuuh Proses Kenaikan Pangkat

UiTM komited untuk mengguna pakai kaedah terbaik bagi memantapkan sistem penyampaian universiti. Lantaran, dalam memilih siapa yang layak dinaikkan pangkat, umur pemohon tidak akan dijadikan faktor utama. Yang lebih penting ialah keupayaan pensyarah memanfaatkan teknologi ICT, dan menggunakan kaedah *blended learning* dalam pembelajaran dan pengajaran.

Namun, saya ingin nyatakan bahawa ini bukan kriteria baru bagi permohonan kenaikan pangkat. Sebaliknya, kelebihan ini dilihat sebagai merit dan merupakan satu nilai tambah bagi calon, apabila ditemu duga.

Bagi saya, pertama sekali yang akan diminta ialah bukti penglibatan pensyarah dalam pembangunan bahan pengajaran untuk *i-Learn*. Penghasilan bahan penulisan dan sebagainya, tidak semestinya dijadikan perkara utama yang diminta.

Langkah drastik ini perlu diambil bagi memastikan warga akademik UiTM sentiasa terkehadapan, dan berubah seiring dengan perubahan teknologi dalam bidang akademik. Ini sekali gus memudahkan UiTM diangkat ke persada yang lebih tinggi.







Media Sosial Sebagai Wahana Pengajaran dan Pembelajaran

Mengambil kira kepesatan perkembangan ICT dalam pelbagai sudut kehidupan, khususnya dalam hal penjanaan ilmu di peringkat pengajian tinggi, saya ingin melihat para pensyarah menggunakan media sosial sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran. Ini amat penting bagi memastikan interaksi antara pensyarah dan pelajar dapat dimaksimumkan, memandangkan sebahagian besar para pelajar UiTM terdiri daripada Gen Z atau Generasi Internet, yang sentiasa berkomunikasi melalui media sosial. Dalam berkongsi ilmu, kurangkan bergantung pada kaedah tradisional. Mulakan budaya berinteraksi dengan pelajar melalui alam siber. *In no time, you will find that it is less burdensome, as there is less constraint to interact in terms of time and space.* Tidak harus ada alasan untuk pensyarah tidak menggunakan kaedah e-learning. Jika terdapat kekurangan kemudahan ICT, sewajarnya pensyarah mengeluarkan belanja sendiri agar pengajaran dan pembelajaran tidak terbantut. Anggaplah ini sebahagian daripada pelaburan tuan-puan untuk memudahkan laluan bagi kenaikan pangkat.

Saya sendiri menggunakan Facebook atau FB untuk pelajar saya di Stuttgart, German. Dan saya dapati kaedah ini sangat berkesan. Buat masa ini, saya menggunakan tiga akaun FB, dan salah satunya saya khususkan untuk pelajar saya di Stuttgart. Tuan-puan sedia maklum bahawa saya banyak berinteraksi dengan pelajar dan warga UiTM melalui Facebook dan Twitter. Saya dapati cara ini berkesan untuk saya lebih memahami isu-isu melibatkan pelajar serta warga, di samping mendekatkan saya dengan warga dan pelajar. Malah ada yang nyatakan kebimbangan bahawa saya akan terpengaruh dengan rungutan yang diluahkan di FB atau Twitter. Namun, saya ingin tegaskan di sini, saya masih mampu membuat pertimbangan terhadap maklumat yang diterima.

I am intelligent enough to know what is right and what is wrong. I am not easily influenced by hearsay; and I don't entertain unsubstantiated information about a person, brought to me by a third party.

Insya-Allah, saya akan selidik dulu, sebelum mengambil tindakan susulan, supaya tidak ada yang teraniaya. Dan jika tuan-puan berhajat untuk berjumpa saya di pejabat, buat temu janji dengan setiausaha saya. Saya khususkan pagi Jumaat untuk memberi peluang kepada warga dan pelajar yang ingin berjumpa dengan saya.



Memantapkan Bidang Penyelidikan dan Pengantarabangsaan

UiTM tetap berusaha untuk terus memperkasa bidang penyelidikan melalui penglibatan dalam pelbagai inisiatif berkaitan. Dalam hal ini, saya ingin melihat UiTM mencapai sasaran sekurang-kurangnya lima bintang dalam Skor MyRA.

Saya yakin Pusat Perancangan Strategik (PPS) sudah bersedia untuk bergerak ke arah itu. Namun di pihak fakulti, perlu ada usaha untuk memastikan supaya bukti-bukti pencapaian warga, dimasukkan ke dalam PRISMA.

Fakulti-fakulti juga perlu bersedia membuat anjakan bagi memastikan agar UiTM mencapai kedudukan yang membanggakan di bawah inisiatif SETARA dan D-SETARA.

Oleh itu, saya meminta supaya InQKA (*Institute of Quality and Knowledge Advancement*) mengadakan eksesais audit kendiri (*self-audit exercise*), sebagai persediaan.


Saya juga mahukan semua fakulti terus berusaha untuk berada di peta dunia. Hasrat ini telah pun saya nyatakan sebelum ini, tapi ada fakulti yang belum lagi menampakkan hasil. Bagaimanapun, alhamdulillah, setakat ini sebahagian besar fakulti telah berjaya menyahut cabaran tersebut.

Bagi fakulti yang masih di takuk lama, berusahalah dengan lebih gigih untuk menempah nama di persada dunia. Pelbagai cara boleh dilakukan, dan pelbagai kaedah boleh digunakan.

Dekatkan jurang; jangan terlalu jauh ketinggalan. Kita tidak mampu untuk bertunggu tangga, mengharapkan yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang.

Justeru itu, saya mahukan fakulti-fakulti berkenaan untuk melipat gandakan usaha menjalin kerjasama dengan sekurang-kurangnya lima universiti ternama luar negara. Usah lagi dicari universiti yang tidak ternama sebagai rakan kongsi.

Jaringan ini boleh dipupuk dengan menganjurkan aktiviti bersama, di samping melantik pemeriksa luar dari kalangan profesor di universiti yang telah dikenal pasti. Kita juga harus memastikan bahawa pemeriksa luar yang dipilih terdiri dari kalangan sarjana dan ilmuwan universiti terkemuka dunia, seperti Cambridge dan Harvard.



Pemantapan Program Akademik dan Penjanaan Sumber Fakulti

UiTM telah memperkenalkan pelbagai transformasi bagi memantapkan program akademik, selain mempertingkatkan sumber kewangan fakulti. Bagi meuar-uarkan usaha-usaha transformatif ini, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) akan menganjurkan karnival akademik, yang dijadualkan pada bulan Mei tahun ini. Karnival tersebut akan melibatkan kampus-kampus di seluruh negara.

Dalam pada itu, saya berharap agar fakulti-fakulti akan mengkaji secara mendalam punca terdapatnya graduan yang gagal memperolehi pekerjaan.

Bagi mengelakkan keadaan sebegini daripada berterusan, saya menyarankan supaya dijumudkan atau digabungkan program yang kurang berdaya saing. Saya percaya, langkah ini akan dapat mengurangkan kos di peringkat fakulti, selain daripada mengelakkan risiko graduan menganggur.

Fakulti perlu berusaha mengenal pasti model yang sesuai untuk dijadikan ikutan. Kita boleh belajar daripada pengalaman negara German, di mana kadar kebolehpasaran rakyatnya mencecah antara 95 dan 96 peratus.

Fakulti juga boleh menggalakkan pelajar dan warga pensyarah untuk mengenal pasti rakan industri sejak awal lagi. Langkah ini dapat membantu mereka memupuk hubungan akrab dengan rakan industri tersebut, seterusnya memudahkan usaha bagi memperolehi sokongan kewangan.

Salah satu cara mewujudkan jaringan industri ini ialah dengan mendapatkan kerjasama daripada ahli keluarga atau teman-teman yang berada dalam industri. Inisiatif ini bersesuaian dengan ketetapan Kementerian Pengajian Tinggi yang telah mengurangkan peruntukan operasi kepada semua IPT. Bahkan, UiTM telah pun memulakan usaha ini melalui perbelanjaan berhemat. Fakulti-fakulti juga perlu lebih agresif untuk menjana sumber kewangan bagi menampung keperluan masing-masing.

Ini memandangkan bahawa sumber kewangan universiti semakin terhad, sedangkan keperluan untuk menambah prasarana semakin meningkat.



Sehubungan ini, bajet yang diluluskan kepada PTJ akan dikira sebagai pinjaman, dan perlu dibayar balik oleh PTJ berkenaan, baik di peringkat fakulti mahupun di peringkat kampus cawangan. Namun, sebuah unit akan ditubuhkan untuk membantu fakulti-fakulti mencari peluang perniagaan bagi menjana sumber kewangan, yang juga boleh digunakan untuk membiayai aktiviti dan program fakulti, sama ada di peringkat dalam negeri atau di luar negara.

Dalam hal ini, fakulti-fakulti yang kurang berusaha untuk menjana kewangan, akan terjejas dari segi prestasi dan kemampuan untuk menjalankan aktiviti dan program yang boleh memperkuuh kedudukan masing-masing. Secara tidaklangsung, ia menggambarkan bahawa kepimpinan fakulti kurang berkesan dalam usaha mentransformasi fakulti yang diterajui. Seterusnya, insya-Allah, UiTM juga akan mengkaji semula nisbah sumbangan untuk projek perundingan agar lebih seimbang. Ini kerana projek-projek berkenaan banyak melibatkan kos tersembunyi, seperti penggunaan kemudahan, ruang dan juga sumber tenaga universiti.

Saya harap warga akademik akan memberi sokongan padu bagi memudahkan universiti menjana kewangan. Saya juga berharap agar semua pensyarah peka terhadap tanggungjawab untuk menyumbangkan ke dalam Tabung Amanah Universiti sebahagian daripada ganjaran kewangan yang diperolehi melalui projek, konsultansi atau program luar yang dijalankan. Bagi menjana kewangan universiti, saya juga mahukan setiap profesor mendapatkan dana sebanyak RM10,000 setiap tahun. Insya-Allah, UiTM akan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengendalikan urusan penjanaan sumber kewangan.

Dalam hal ini, UiTM telah mengambil langkah awal dengan mewujudkan SBU (Strategic Business Unit), termasuklah Bahagian Percetakan, INeD, INTEC, dan UiTM Press. Oleh itu, saya harap seluruh warga universiti akan memberi sokongan penuh kepada kesemua SBU ini untuk menjana sumber kewangan.









Memenuhi Tanggungjawab Sosial Melalui Tabungan Universiti

Sebagai sebuah universiti yang terbina atas landasan rekayasa sosial, UiTM sentiasa berusaha melebar laluan demi memperkasa anak bangsa. Sehubungan ini, saya harap BHEA, sebagai entiti yang bertanggungjawab, akan mengambil langkah-langkah yang lebih agresif bagi menambah tabungan dalam Dana Kecemerlangan.

Seterusnya, saya juga berharap agar warga universiti akan terus memberi sokongan bagi memperkuuh tabungan kita. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada warga UiTM yang melaksanakan amal jariah melalui potongan gaji, untuk disalurkan kepada pelbagai bahagian dan unit di UiTM bagi manfaat pelajar serta warga. Semoga Allah SWT sentiasa merahmati tuan-tuan dan puan-puan serta keluarga.

Marilah kita bersama hati membudayakan amalan berkongsi rezeki di tempat kita mencari rezeki, dan mengamalkan nilai-nilai dermawan. Walaupun dalam jumlah kecil, jika kita istiqomah, insya-Allah, saya yakin nikmat ganjarannya akan dapat dirasa, sama ada di dunia ataupun di akhirat kelak. Hanya Allah yang Maha Mengetahui.



Tahun 2013 Sebagai Tahun Keselesaan Pelajar

Warga UiTM yang saya hormati, serta para pelajar yang saya kasihi sekalian

Hasrat saya ialah untuk menjadikan tahun 2013 sebagai Tahun Keselesaan Pelajar di UiTM. Lantaran itu, tahun ini, saya berhasrat untuk mempertingkatkan tahap keselesaan pelajar, baik di fakulti maupun di kolej kediaman, ataupun semasa para pelajar berada di penempatan mereka di luar kampus.

Dalam hal ini, saya berharap agar Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), dari peringkat kepimpinan tertinggi hingga pihak bawahan, akan turun padang bagi mengenal pasti dan menangani isu-isu yang berkaitan dengan keselesaan pelajar. Di samping itu, saya juga berharap supaya HEP akan mempergiatkan usaha untuk memupuk minat keusahawanan dalam kalangan pelajar UiTM, agar kita dapat terus mengekalkan prestasi kita sebagai universiti keusahawanan terunggul di negara ini, seperti yang diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi baru-baru ini.

UiTM ambil maklum akan saranan Menteri Pengajian Tinggi dalam amanat beliau sehari sebelum ini, untuk meletakkan ko-kurikulum di bawah seliaan pusat pengajian di mana pelajar berdaftar. Ini bertujuan memastikan ko-kurikulum yang diikuti adalah relevan dan mempunyai hubung kait dengan apa yang dipelajari di fakulti. Ini termasuklah pendidikan dan pembangunan keusahawanan.




Pemantapan Ko-Kurikulum Keusahawanan dan Kesukarelawan

Alhamdulillah, seharusnya kita sama-sama bersyukur kerana UiTM telah berjaya meraih pengiktirafan daripada Kementerian Pengajian Tinggi apabila dinobatkan sebagai Entrepreneurial University 2012. Anugerah tersebut merupakan suatu pengiktirafan yang julung kali diberikan kepada mana-mana universiti di Malaysia. Alhamdulillah.

Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada warga UiTM, khususnya fakulti-fakulti dan semua kampus cawangan, atas kesungguhan dan komitmen sehingga universiti kita yang tercinta ini berjaya menjadi universiti pertama yang merangkul anugerah tersebut. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Penolong Naib Canselor MASMED, Profesor Razmi Chik, atas segala daya usaha bagi memudahkan laluan UiTM untuk diiktiraf sebagai perintis dalam memupuk budaya keusahawanan di peringkat pengajian tinggi.


Di samping itu, pada tahun ini, saya berhasrat untuk menggerakkan keseluruhan pelajar UiTM, agar lebih menonjol dalam kegiatan kemasyarakatan, dan penglibatan dalam program kesukarelawanan. Jika diambil kira jumlah pelajar UiTM, yang kini hampir mencecah 200,000, penglibatan siswa-siswi kita dalam inisiatif kesukarelawanan mampu memberi impak,bukan sahaja kepada masyarakat, bahkan kepada negara keseluruhannya. Saya yakin warga UiTM, khususnya tuan-tuan dan puan-puan yang menjadi tulang belakang HEP, mampu menjadi pencetus minat dan penggerak budaya mulia dalam kalangan pelajar. Apa yang penting ialah wujudnya kesungguhan dan komitmen di pihak pelajar dan juga PTJ, dalam melaksanakan sesuatu aktiviti kemasyarakatan atau program kesukarelawanan.





KPT
ENTREPRENEURIAL UNIVERSITY OF THE YEAR 2012
RINGGIT MALAYSIA: FIFTY THOUSAND ONLY

RM 50



UiTM Sentiasa
Di Ku

UiTM Sentiasa
Di Ku



Di awal perutusan ini, saya telah menyentuh tentang pencapaian UiTM dalam melaksanakan tanggungjawab sosial melalui program Mengubah Destini Anak Bangsa atau MDAB. Sesungguhnya, angka 12,000 pelajar yang berjaya dalam program MDAB, dan seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi di UiTM, bukanlah sesuatu yang kecil jumlahnya. Pencapaian ini harus diraikan oleh seluruh warga UiTM.

Namun, perjuangan kita untuk mengubah destini anak bangsa perlu diteruskan. Masih ramai lagi anak bangsa yang perlu dibantu di pinggir desa, dan di pedalaman, di Sabah, di Sarawak, dan di sereta ceruk rantau Semenanjung Malaysia. Saya yakin UiTM berupaya melakukannya. Saya dapat rasakan kita mampu mengubah destini anak bangsa. Apatah lagi jika kita berganding bahu, saling bantu membantu, bekerja sebagai satu pasukan kerana saya tidak mungkin dapat melakukannya tanpa sokongan padu daripada seluruh warga UiTM, di seluruh pelusuk tanah air.

Saya amat memerlukan bantuan tuan-tuan dan puan-puan untuk menambah tabungan dan membiayai anak-anak yang kurang bernasib baik ini. Saya amat memerlukan keprihatinan tuan-tuan dan puan-puan untuk memberi mereka peluang kedua, seterusnya mengubah destini keluarga mereka. Bayangkanlah apa yang dapat dicapai, sekiranya setiap seorang daripada kita di UiTM, memberi sumbangan melalui potongan gaji, sekadar yang termampu.

Walau bagaimana kecil pun sumbangan tersebut, tuan-tuan dan puan-puan memainkan peranan untuk mengurangkan statistik kemiskinan di negara kita, dalam jangka panjang. Insya-Allah. Apa yang diperlukan ialah keikhlasan dan kejujuran untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat prihatin dan seimbang, dalam mengejar dunia dan mempersiapkan diri untuk akhirat.

Pemantapan Imej dan Komunikasi Korporat UiTM

Warga UiTM yang saya hormati, serta para pelajar yang saya kasihi sekalian

Sempena Perutusan Tahun Baharu ini, saya akan melancarkan enam penerbitan universiti, dua daripadanya masing-masing dihasilkan oleh InfoTech dan Bahagian Hal Ehwal Peperiksaan. Manakala empat lagi penerbitan dihasilkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat (JKK). Keenam-enam hasil penerbitan tersebut merangkumi:

- Ringkasan Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2013-2017 oleh InfoTech;
- Glosari Istilah Peperiksaan dan Penilaian Pelajar, oleh Bahagian Hal Ehwal Peperiksaan; Termasuk, empat penerbitan yang dihasilkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat, iaitu:
- Dasar dan Garis Panduan Komunikasi Universiti
- Manual Imej dan Identiti Korporat Universiti
- Manual Sistem Papan Tanda Universiti
- Manual Pengurusan Acara dan Protokol Universiti, kesemuanya penerbitan Jabatan Komunikasi Korporat.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua PTJ yang telah berjaya menambah khazanah penerbitan UiTM. Dengan terhasilnya penerbitan-penerbitan ini, Insya-Allah, UiTM akan lebih menyerlah dari pelbagai sisi penampilan, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi alaf ke-21.

Malahan, UiTM memang pun telah mendapat perhatian media tempatan, melalui pencapaian serta penglibatan warga dan pelajar dalam pelbagai bidang ilmiah, di samping kegiatan bukan akademik, dan yang berbentuk khidmat masyarakat.



Melestari Legasi UiTM

Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana telah memberi saya nikmat kesihatan untuk memimpin universiti tercinta ini. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana memberi saya nikmat untuk berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara, melalui UiTM. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana memberi saya nikmat untuk membala jasa pemimpin-pemimpin terdahulu, yang telah mewujudkan UiTM, sejak 57 tahun yang lalu.

I have always been passionate about being part of UiTM. I find great joy and pleasure coming to this institution every day of my life. I would say, I am resolute and obsessed to make a difference for UiTM.

It is my wish to see the university fraternity share some of that passion and obsession working for UiTM. If it is not for such passion and obsession, I doubt that I can drive UiTM this far.

Penutup

Warga UiTM yang saya hormati, serta para pelajar yang saya kasihi sekalian

Sebelum saya mengakhiri perutusan tahun baharu ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Jabatan Komunikasi Korporat atas kesungguhan dan komitmen untuk menjayakan majlis pagi ini, dan juga Konferensi Akademik yang berlangsung selama dua hari ini.

Saya juga ingin memohon maaf kepada tuan-tuan dan puan-puan, kalau saya terlepas pandang dan tidak sempat menyentuh peranan serta sumbangan sesetengah PTJ yang sememangnya banyak membantu saya dalam menggerakkan agenda UiTM.

Saya juga memohon maaf sekiranya apa yang telah saya sampaikan sebentar tadi, menyinggung hati mana-mana pihak. Sesungguhnya, niat saya semata-mata tertumpu pada pemerkasaan UiTM, sebagai wadah perjuangan agama dan bangsa. Semoga Allah SWT merestui perjuangan kita untuk terus mengubah destinasi anak bangsa.

Sekian. Terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi warabarakatuh serta salam sejahtera.



UiTM Sentiasa
Di ❤ Ku

Konsep Reka Bentuk & Terbitan

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2 , BÁNGUNAN CANSELERİ TUANKU SYED SIRAJUDDIN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

TEL : +603-55442102 FAKS : +03-55442086

Uruscetak
Pusat Percetakan UiTM